



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pejabat
Pendaftar

Ruj. Kami : 100-BPD(PT. 1/1)
Tarikh : 1445H ذوالحجة ١٧
: 24 Jun 2024

Kepada Semua

Ahli Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU)
Rektor UiTM Cawangan
Penolong Naib Canselor
Dekan Kolej Pengajian/Fakulti/Akademi/ Institut
Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit dan Staf
Universiti Teknologi MARA

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan Salam Sejahtera

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/ Prof/ Tuan/Puan

PERMAKLUMAN PENGEMASKINIAN TANGGUNGJAWAB URUSETIA DALAM GARIS PANDUAN PENGURUSAN MESYUARAT DAN PENULISAN MINIT MESYUARAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Bahagian Governan dan Sekretariat Universiti telah mengemaskini tanggungjawab urusetia dalam Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Penulisan Minit Mesyuarat Universiti Teknologi MARA, Edisi Pertama:2018.

3. Pengemaskinian tersebut adalah mengambil kira keperluan semasa universiti seperti diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JKTK) UiTM Bil. 1/2024. Butiran maklumat adalah seperti berikut :

Perkara	Butiran	Pengemaskinian
5.0	Tanggungjawab Urusetia	iii. Pengisytiharan Kepentingan ; contoh seperti Lampiran 1 . Setiausaha perlu mencatat masa keluar-masuk serta nama ahli mesyuarat yang menyatakan mempunyai kepentingan ketika proses pengisytiharan kepentingan dilaksanakan (Punca kuasa : Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JKTK) UiTM Bil. 1/2024 bertarikh 31 Januari 2024- Perkara Berbangkit B0021)
5.1	Tindakan- Tindakan Pra Mesyuarat	
5.2	Tindakan Semasa Mesyuarat	iii. Memastikan Pengerusi dan ahli mesyuarat melaksanakan pengisytiharan kepentingan. Setiausaha perlu mencatat masa keluar-masuk serta nama ahli mesyuarat yang menyatakan mempunyai kepentingan ketika proses pengisytiharan kepentingan dilaksanakan (Punca kuasa : Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JKTK) UiTM Bil. 1/2024 bertarikh 31 Januari 2024- Perkara Berbangkit B0021)
		iv. Mencatat minit mesyuarat

100-BPD(PT. 1/1)

4. Dokumen Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Penulisan Minit Mesyuarat, Universiti Teknologi MARA boleh dicapai di pautan <https://pendaftar.uitm.edu.my/dpocket>. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' /Datin/ Prof/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memastikan proses berkenaan dijalankan.

Sekian, terima kasih.

اوسها, تقوى, موليا

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MUHAMAD NIZAM NOORDIN, *MMIHRM*)
Pendaftar